



GENERASI MUDA DAN CUKAI PENDAPATAN

Generasi muda kini lebih berminat untuk memulakan perniagaan sendiri. Kemahiran dalam sesuatu perniagaan yang dipilih serta kecekapan dalam dunia digital merupakan satu daripada faktor kejayaan mereka sehingga mampu meraih pendapatan yang lumayan. Menerusi laman media sosial, golongan ini banyak berkongsi kehidupan mewah yang dimiliki oleh mereka hasil daripada kejayaan dan keuntungan dalam perniagaan masing-masing.

Perkongsian sebegini dapat dijadikan inspirasi kepada generasi muda yang lain untuk bersama-sama mencipta kejayaan.

Namun begitu, jika dilihat dari sisi yang lain pula, situasi ini menunjukkan gaya hidup yang berlebih-lebihan dengan kemewahan terutamanya kepada golongan yang tidak berkemampuan. Maka itu, tidak salah sekiranya keuntungan perniagaan tersebut dikongsi secara bersama-sama melalui cukai yang dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) atau HASiL. Bak kata pepatah, "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing".

Berdasarkan Bajet Kerajaan Persekutuan 2022 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia, kutipan cukai pendapatan merupakan sumber kewangan negara yang tertinggi dari segi peratusannya, iaitu 35.7% berbanding dengan sumber lain seperti cukai tidak langsung, cukai langsung lain, hasil bukan cukai serta pinjaman dan penggunaan aset kerajaan. Dengan sumber kewangan inilah kerajaan menggunakan untuk perbelanjaan pembangunan dan mengurus negara.

Bersama-sama Berkongsi Rezeki

Jika semua individu yang bermula melaksanakan tanggungjawab sebagai pembayar cukai, sudah pasti lebih banyak cukai pendapatan yang dapat dikutip oleh LHDNM dan lebih banyak manfaat yang dapat diberikan kepada rakyat Malaysia. Kerajaan telah mengeluarkan peruntukan yang besar demi memastikan kemakmuran negara dan rakyat. Ketika negara diuji dengan wabak COVID-19, dari

manakah datangnya sumber kewangan kerajaan untuk mewujudkan fasiliti khusus bagi merawat pesakit-pesakit COVID-19? Sudah tentulah daripada cukai pendapatan yang dibayar oleh pembayar cukai. Bukan itu sahaja, hasil kutipan cukai ini juga telah membantu golongan yang kurang bernasib baik apabila banyak syarikat dan perniagaan kecil terpaksa gulung tikar. Banyak bantuan yang telah diberikan oleh kerajaan termasuklah Bantuan Khas COVID-19, Geran Khas Prihatin dan lain-lain. Perkara inilah yang dikatakan sebagai usaha untuk bersama-sama berkongsi rezeki.

Sebelum ini pernah tular dalam laman media sosial bahawa, seorang suami terkejut apabila hanya perlu membayar kos perubatan isterinya kurang daripada RM20, walaupun isterinya telah dirawat lebih daripada tiga hari di sebuah hospital kerajaan. Orang ramai turut berkongsi pengalaman yang sama di ruangan komen pada hantaran tersebut. Pengurangan kos perubatan ini disebabkan subsidi yang diberikan oleh kerajaan. Terima kasih kepada pembayar cukai kerana sumbangan anda telah membantu meringankan beban kewangan rakyat yang memerlukan.

Pempengaruh (influencer) Media Sosial Juga Dikenakan Cukai

Cukai pendapatan individu atas keuntungan perniagaan bukan hanya dikenakan kepada mereka yang bermula secara tetap atau sambilan sahaja, malahan mereka yang bermula secara konvensional atau secara dalam talian juga dikenakan cukai.

Profesjon seperti doktor yang membuka klinik sendiri, peguam yang memiliki firma guaman atau akauntan dengan firma perakaunan sendiri turut dikenakan cukai.

Selain itu, terdapat beberapa kerjaya yang dikenakan cukai di bawah kategori **Individu**

Berpendapatan Perniagaan, iaitu **pempengaruh (influencer)**. Kerjaya sebagai seorang pempengaruh di media sosial bukan sesuatu yang baharu kerana banyak generasi muda masa ini telah berkecimpung dalam bidang ini dan meraih pendapatan yang tinggi sehingga mencelah lima angka sebulan.

Jabatan Perangkaan Malaysia atau (DOSM) telah mengeluarkan statistik penggunaan dan capaian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) oleh individu dan isi rumah pada 28 April 2022. Berdasarkan statistik yang dijalankan sepanjang tahun 2021, sebanyak 96.8% capaian TMK digunakan untuk penggunaan Internet, manakala sebanyak 98.7% pula digunakan untuk penggunaan telefon bimbit. Kajian ini telah dijalankan selepas kemuncak pandemik COVID-19 yang memperlihatkan penggunaan Internet dalam kalangan masyarakat Malaysia telah meningkat dengan ketara dari tahun

2020, iaitu sebanyak 89.6%. Peningkatan penggunaan Internet ini telah memberikan idea kepada syarikat atau perniagaan untuk mempromosikan produk mereka secara dalam talian kerana lebih dekat dengan pengguna serta murah berbanding dengan pengiklanan menerusi media cetak, radio dan televisyen.

Di sinilah bermulanya kerjasama antara syarikat dengan pempengaruh media sosial yang terdiri daripada pesohor Instagram (Instafamous), penggiat YouTube (YouTubers), TikTokers dan banyak lagi untuk mengiklankan produk mereka. Pempengaruh yang mempunyai pengikut yang banyak kebiasaannya akan menerima bayaran lumayan hasil daripada pengiklanan tersebut. Pendapatan yang diterima itulah yang dikenakan cukai dan mereka perlu mendaftar dengan HASIL sebagai pembayar cukai.


Senarai pendapatan lain yang boleh dikenakan cukai bagi kategori individu, bolehlah dirujuk melalui laman web: www.hasil.gov.my > Perkhidmatan > Individu > Pengenalan Cukai Pendapatan Individu > Bila Dikenakan Cukai.

Sudah Layak Bayar Cukai, Apakah yang Perlu Anda Lakukan?

Pastikan anda mempunyai Nombor Pengenalan Cukai atau Tax Identification Number (TIN) sebaik-baik sahaja anda memulakan perniagaan. Hal ini demikian kerana individu yang menjana pendapatan melalui perniagaan, secara automatik layak membayar cukai tanpa mengira jumlah minimum pendapatan tahunan mereka. Sekiranya anda belum mempunyai Nombor Pengenalan Cukai, anda perlu mendaftar secara dalam talian menggunakan aplikasi e-Daftar menerusi MyTax, <https://mytax.hasil.gov.my/>. Aplikasi ini adalah untuk permohonan pendaftaran fail cukai pendapatan bagi pembayar cukai baharu mendapatkan nombor cukai pendapatan.

Mari laporkan pendapatan anda bagi tahun 2022 mulai 1 Mac 2023 dengan menggunakan e-Filing dalam MyTax. Bagi anda yang mempunyai pendapatan perniagaan, pastikan anda memilih Borang B dan tahun taksiran yang tepat. Tarikh akhir penghantaran Borang B adalah pada 30 Jun 2023. Mereka yang hanya mempunyai pendapatan penggajian pula perlu memilih Borang BE untuk melaporkan pendapatan dan tarikh akhir penghantaran Borang BE adalah pada 30 April 2023.

Sekiranya anda telah melaporkan pendapatan, jangan lupa untuk membuat bayaran cukai pendapatan (sekiranya ada) menggunakan ByrHASIL, iaitu bayaran cukai menerusi Financial Process Exchange (FPX) melalui portal perbankan Internet.



Cukai pendapatan ialah sumber pendapatan tertinggi negara yang digunakan untuk perbelanjaan pembangunan dan mengurus.

Kurang Faham tentang Cukai, di Manakah Anda Boleh Rujuk?

Banyak pembayar cukai baharu yang tahu tentang tanggungjawab mereka untuk membayar cukai. Walau bagaimanapun, ada juga dalam kalangan mereka yang masih kurang faham tentang cukai dan memerlukan khidmat nasihat percukaian. Dalam hal ini, anda tidak perlu risau kerana anda boleh mendapatkan khidmat nasihat tersebut menerusi sesi taklimat yang dilaksanakan oleh HASIL secara berkumpulan sama ada mewakili syarikat atau persatuan dan lain-lain. Sesi taklimat boleh dijalankan secara bersempena di dalam premis atau secara dalam talian menggunakan webinar dengan menghantar permohonan anda menerusi e-mel kepada taxeducation@hasil.gov.my.

Fahami apakah itu cukai dan kepentingannya kepada negara dan rakyat? Laksanakan tanggungjawab anda sebagai pembayar cukai dengan sebaik-baik mungkin demi menjamin kemakmuran dan kesejahteraan Malaysia tercinta. ☺

EKONOMI DIGITAL

DIGITAL ECONOMY

PENGENALAN

Ekonomi Digital merujuk kepada aktiviti ekonomi berdasarkan peralihan teknologi-digital.

Ekonomi digital merujuk kepada yang dibentuk dengan teknologi digital yang merupakan teknologi Elektronik Digital, maklumat perkhidmatan dan pengiraan berorientasi manusia bersepadu di dalam sistem maklumat.

Inisiatif Syarikat yang melaksanakan perkhidmatan digital berdasarkan ciri pencapaian di Malaysia berdasarkan Akta Cukai Perdagangan 1963.



TANGGUNGJAWAB PENIAGA DIGITAL

(1) Daftar nombor fail cukai pendapatan

Pencairan borang dibuat menerusi e-filing di www.hasil.gov.my atau di rekaan HLDN terdiri.

(2) Laporan sumur sumur pendapatan atas nama tembusan perniagaan digital

Lengkapkan dan hantar Borang Nyata e-B atau e-C menerusi e-filing.

(3) Untuk Perhimpunan

a) Penghantaran Borang Nyata e-P (tanggungjawab seluruh kongsi utama) dan e-B (jalan bersama).

b) Pihak perhimpunan tanah / dewan kepada masing-masing 7 penyelaras tembusan tembusan secara berulang kepada HASIL.

(4) Bayar Cukai

Pembayaran cuai bolan dituntutkan menerusi:

a) Online

b) Bank (Kurungan, Perbankan Internet dan lain-lain)

DOCUMEN YANG PERLU DISIMPAN SELAMA 7 TAHUN

1) Penyata dasar perkhidmatan (BNCP, KSYB, MOK dan lain-lain)

2) Perkhidmatan domelain dan perkhidmatan

3) Penyata dasar jaya perniagaan tembusan

4) Borang Nyata e-B (jalan bersama), penghantaran dalam talian kepada Kursus Pengajian Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

5) Borang Nyata e-P (tanggungjawab seluruh kongsi utama)

6) Borang Nyata e-C (jalan bersama)

7) Pembayaran cuai dan tembusan menerusi e-mail dan lain-lain

8) Dokumen perjanjian

9) Reit atau legal receipt pergeseran / belanja yang dibuat dan lain-lain

Sumber: Poster LHDNM



TEMA – PENGENAAN CUKAI PENDAPATAN

1. <table border="1" style="display: inline-table; vertical-align: middle;"><tr><td>R</td><td>A</td><td>T</td><td>A</td><td>F</td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr></table>	R	A	T	A	F												2. <table border="1" style="display: inline-table; vertical-align: middle;"><tr><td>T</td><td>A</td><td>S</td><td>N</td><td>U</td><td>M</td><td>I</td><td>A</td><td>T</td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr></table>	T	A	S	N	U	M	I	A	T																		
R	A	T	A	F																																								
T	A	S	N	U	M	I	A	T																																				

Skop pengenaan cukai bagi seseorang individu bergantung kepada _____.

2. <table border="1" style="display: inline-table; vertical-align: middle;"><tr><td>A</td><td>K</td><td>U</td><td>C</td><td>I</td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr></table>	A	K	U	C	I												3. <table border="1" style="display: inline-table; vertical-align: middle;"><tr><td>K</td><td>A</td><td>M</td><td>U</td><td>M</td><td>A</td><td>D</td><td>T</td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr></table>	K	A	M	U	M	A	D	T																
A	K	U	C	I																																					
K	A	M	U	M	A	D	T																																		

Pembayar cukai yang mempunyai pendapatan pengajian dan Potongan Cukai Bulanan (PCB) boleh memilih untuk tidak mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) kepada LHDNM. PCB yang telah dipotong oleh majikan dianggap sebagai _____.

3. <table border="1" style="display: inline-table; vertical-align: middle;"><tr><td>L</td><td>A</td><td>M</td><td>I</td><td>N</td><td>I</td><td>K</td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr></table>	L	A	M	I	N	I	K																4. <table border="1" style="display: inline-table; vertical-align: middle;"><tr><td>G</td><td>I</td><td>A</td><td>T</td><td>U</td><td>N</td><td>G</td><td>L</td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr></table>	G	I	A	T	U	N	G	L																
L	A	M	I	N	I	K																																									
G	I	A	T	U	N	G	L																																								

Perniagaan terdiri daripada _____ dan perkongsian.

4. <table border="1" style="display: inline-table; vertical-align: middle;"><tr><td>M</td><td>O</td><td>K</td><td>I</td><td>E</td><td>N</td><td>O</td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr></table>	M	O	K	I	E	N	O																5. <table border="1" style="display: inline-table; vertical-align: middle;"><tr><td>T</td><td>A</td><td>L</td><td>I</td><td>D</td><td>I</td><td>G</td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr></table>	T	A	L	I	D	I	G														
M	O	K	I	E	N	O																																						
T	A	L	I	D	I	G																																						

Perniagaan melalui media sosial dan Internet ialah contoh perniagaan _____.

5. <table border="1" style="display: inline-table; vertical-align: middle;"><tr><td>M</td><td>I</td><td>S</td><td>E</td><td>T</td><td>S</td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr></table>	M	I	S	E	T	S														6. <table border="1" style="display: inline-table; vertical-align: middle;"><tr><td>R</td><td>I</td><td>S</td><td>T</td><td>A</td><td>K</td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr></table>	R	I	S	T	A	K														7. <table border="1" style="display: inline-table; vertical-align: middle;"><tr><td>R</td><td>I</td><td>N</td><td>E</td><td>D</td><td>S</td><td>I</td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr></table>	R	I	N	E	D	S	I														
M	I	S	E	T	S																																																								
R	I	S	T	A	K																																																								
R	I	N	E	D	S	I																																																							

_____ ialah satu konsep pernadaan, iaitu pembayar cukai dikehendaki oleh undang-undang untuk menentukan pendapatan yang dikenakan cukai, mengira cukai pendapatan yang dikenakan dan menghantar borang cukai pendapatan serta membuat bayaran cukai bagi tahun taksiran yang berkenaan.

6. <table border="1" style="display: inline-table; vertical-align: middle;"><tr><td>D</td><td>U</td><td>N</td><td>I</td><td>D</td><td>I</td><td>I</td><td>V</td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr></table>	D	U	N	I	D	I	I	V																		7. <table border="1" style="display: inline-table; vertical-align: middle;"><tr><td>T</td><td>A</td><td>M</td><td>A</td><td>S</td><td>U</td><td>N</td><td>E</td><td>T</td><td>I</td><td>P</td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr></table>	T	A	M	A	S	U	N	E	T	I	P																						
D	U	N	I	D	I	I	V																																																				
T	A	M	A	S	U	N	E	T	I	P																																																	

Borang B merupakan borang pelaporan cukai bagi _____ melaporkan punca pendapatan perniagaan, pengajian dan pendapatan lain.

.....

7.

N	A	G	N	E	N	B	A	P	U	M

R	A	F	U	T	K	R	S	I	T	N	R	U

Cukai yang dikutip oleh LHDNM dibelanjakan bagi tujuan keselamatan negara dan rakyat, _____ seperti jalan raya, hospital, sekolah serta pembangunan ekonomi dan sosial, seperti perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan kebajikan rakyat.

8.

J	E	R	A	B	E	N	L	A	N	P	A

B	A	P	U	N	G	N	A	N	E	M	

Hasil daripada cukai ini digunakan oleh kerajaan untuk mentadbir dan mengurus sesebuah negara dan digunakan juga untuk _____.

9.

M	E	S	I	T	S

X	T	M	A	Y

Pendaftaran nombor cukai pendapatan boleh dibuat secara dalam talian melalui aplikasi e-Daftar dalam _____.

10.

S	O	T	I	N

S	U	N	A	N	A	R

Pembayar cukai yang mempunyai sumber pendapatan lain daripada penggajian seperti perniagaan, sewa dan royalti dikehendaki membuat bayaran secara berkala setiap dua bulan sekali mulai Mac pada setiap tahun berdasarkan _____ CP500.

PERATURAN

1. Semua pembaca Dewan Siswa yang berumur antara 13 hingga 21 tahun boleh menyertai peraduan ini, kecuali kakitangan dan keluarga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Keputusan pengadil muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak dilayan.
3. Tekaan hendaklah sampai kepada kami sebelum atau pada **31 Mei 2023**. Jawapan yang diterima lebih awal dan betul semua jawapannya akan diberikan keutamaan.
4. Sertakan nama penuh, alamat, nombor telefon dan jawapan yang tepat.

Borang Penyertaan

Nama :	No. Kad Pengenalan :
Alamat Rumah :	No. Telefon :
.....	Nama Bank :
.....	No. Akaun Bank :
Nama Sekolah/Institut :	(Akaun bank milik peserta)
	E-mel :

Alamatkan jawapan anda kepada:

Editor Dewan Siswa, Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, 50460 Kuala Lumpur
atau e-melkan kepada sitiirni@dbp.gov.my atau syafiqahkhalid@dbp.gov.my



Jawapan Kuiz

Tema: Waspada Ancaman Penipu

1. PENYAMARAN
2. HASIL CARE LINE
3. NOMBOR AKAUN BANK
4. MYTAX
5. KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
6. PEMUNGUT DUTI SETEM
7. BERWASPADA
8. KES TUNGGAKAN CUKAI
9. @HASIL.GOV.MY
10. TELEFON BIMBIT